



**KERTAS PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI**  
**PERKHIDMATAN AIR NEGERI SELANGOR, WILAYAH**  
**PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

## KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	TUJUAN	3
2.	LATAR BELAKANG	
	2.1 Senario Perkhidmatan Air Semasa	3
	2.2 Objektif Penstrukturan Semula	7
	2.3 Model Holistik	9
3.	LANGKAH-LANGKAH YANG TELAH DIAMBIL OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR DALAM MEMUKTAMADKAN PENSTRUKTURAN SEMULA	11-15
4.	STATUS SEMASA PENSTRUKTURAN SEMULA	15-24
5.	KEKANGAN DI DALAM MEMUKTAMADKAN PENSTRUKTURAN SEMULA	24-26
6.	PENDIRIAN KERAJAAN NEGERI DALAM MELAKSANAKAN PENSTRUKTURAN SEMULA	26-32
7.	PENUTUP	32

## 1. TUJUAN

Tujuan kertas ini adalah untuk menjelaskan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Hasrat utama Kerajaan Negeri Selangor untuk memuktamadkan penstrukturan ini adalah untuk memastikan pengguna di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mendapat perkhidmatan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemampuannya di samping mencapai tarif air munasabah yang tidak membebankan rakyat keseluruhannya

## 2. LATAR BELAKANG

### 2.1 Senario Perkhidmatan Air semasa

2.1.1 Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor pada ketika ini adalah tidak dijalankan secara holistik di mana aktiviti rawatan dan agihan dikendalikan oleh pihak yang berlainan. Ini adalah ekoran daripada penswastan perkhidmatan air di Selangor yang telah bermula

semenjak tahun 1994 dan secara sepenuhnya pada tahun 2004 yang melibatkan empat pemegang konsesi utama seperti berikut:

<u>Rawatan</u>	<u>Agihan</u>
Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (PNSB)	Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS)
Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH)	
Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS)	

2.1.2 Kerajaan Negeri Selangor melalui anak syarikatnya Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)/Kumpulan Perangsang Selangor (KPS) memegang ekuiti seperti berikut:-

- i. ABASS - 90.83%
- ii. SPLASH - 30.00%
- iii. SYABAS - 30.00%
- iv. Tiada pegangan ekuiti dalam PNSB

2.1.3 Aset yang digunakan oleh operator tersebut ada dalam bentuk bina-kendali-pindah (BOT) dan sebahagiannya dipajak daripada Kerajaan Negeri.

- 2.1.4 Keadaan yang tidak holistik ini telah menyumbangkan kepada pengurusan air yang tidak cekap dan kos operasi yang membebankan pengguna melalui kenaikan tarif yang tinggi.
- 2.1.5 Langkah untuk menyusun semula Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor adalah selaras dengan hasrat dan matlamat Kerajaan Persekutuan untuk menyusun semula industri perkhidmatan air ke arah satu perkhidmatan yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan.
- 2.1.6 Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 21/2007 yang bersidang pada 11 Julai 2007, telah bersetuju dengan penyusunan semula Pemegang Konsesi Air Selangor di bawah satu konsortium yang akan diterajui oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).
- 2.1.7 KTTHA melalui surat bertarikh 11 Februari 2008 telah memaklumkan Kerajaan Negeri Selangor bahawa melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Januari 2008 telah menimbang dan memutuskan:-

- i) supaya KDEB mengambil alih operasi dan penyelenggaraan bagi rawatan dan pembekalan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya termasuk Loji Langat 2; dan
- ii) supaya Kerajaan Negeri Selangor bekerjasama dengan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dalam melaksanakan penstrukturan semula perkhidmatan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya secara holistik. KDEB akan menjadi peneraju utama dalam konsortium baru.

2.1.8 Pada 22 Januari 2008, PAAB telah memberikan taklimat kepada Kerajaan Negeri Selangor menerangkan mengenai peranan PAAB di dalam penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara.

2.1.9 Lanjutan dari itu, beberapa perbincangan telah dibuat di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan melalui KTTHA untuk memuktamadkan penstrukturan ini, namun

hingga hari ini, penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor masih belum dapat dimuktamadkan.

## **2.2 OBJEKTIF PENSTRUKTURAN SEMULA**

Objektif penstrukturan semula yang digariskan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah selari dengan matlamat dan hasrat Kerajaan Persekutuan yang telah memutuskan untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air negara setelah mendapati industri ini dibelenggu dengan pelbagai isu dan masalah operasi. Sebagaimana yang telah dibentangkan di dalam Sidang Dewan Rakyat pada 30 Jun 2008, Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi telah menyatakan antara isu yang dihadapi oleh industri perkhidmatan air adalah kadar air tidak berhasil (NRW) yang tinggi, peningkatan keperluan pembiayaan kapital (CAPEX) bagi pembangunan infrastruktur, ketiadaan mekanisme kawal selia di peringkat nasional, perbezaan tarif yang ketara di mana kesemua masalah ini mengekang perkembangan industri sehingga menjejaskan daya harap dan kemapanannya.

Dalam mencapai hasrat tersebut, Kerajaan Persekutuan telah membuat pindaan ke atas Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan pada Januari 2005 dengan memasukkan bekalan dan perkhidmatan air di bawah senarai bersama. Dengan pindaan tersebut, industri perkhidmatan air akan diuruskan

secara bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Justeru itu, bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor telah meletakkan objektif penstrukturan semula perkhidmatan air Negeri Selangor selari dengan hasrat dan matlamat penstrukturan air negara melalui kaedah untuk mengambil alih semua syarikat konsesi air di Negeri Selangor dan menyusun semula bagi mewujudkan satu perkhidmatan air yang holistik yang mempunyai ciri-ciri sebagaimana yang telah digariskan oleh Kerajaan Persekutuan, iaitu:-

- a) sebuah syarikat wang dimiliki penuh ataupun di bawah kawalan Kerajaan Negeri;
- b) sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) ;  
dan
- c) sebuah syarikat yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh SPAN.



## 2.3 MODEL HOLISTIK PENSTRUKTURAN SEMULA

2.3.1 Untuk menyusun semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor melalui Model Holistik (gambar rajah Model di **Lampiran A**), Kerajaan Negeri telah mengambil kira aspek-aspek berikut:-

- i) Mengambil alih aset dan ekuiti syarikat konsesi air sedia di mana ini akan menjurus kepada penamatan perjanjian-perjanjian konsesi air yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan pemegang konsesi;
- ii) Mengujudkan satu SPV Air yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri Selangor yang akan dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 206 (Akta 655) sebagai operator rawatan dan agihan air;
- iii) SPV Air akan beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN);

- iv) SPV Air yang dilesenkan di bawah Akta 655 akan dikawal selia oleh SPAN, di mana pengawasan dan pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama;
- v) Menetapkan kos rawatan air SPV Air tidak lebih dari RM0.36per unit berdasarkan fakta bahawa melalui satu SPV Air yang holistik tidak ujud lagi masalah *transfer pricing* atau beban pembelian minima/caj kapasiti yang menyebabkan peningkatan kos operasi sehingga membebankan pengguna melalui kadar tarif yang tinggi;
- vi) Menetapkan kenaikan kadar tarif tidak lebih dari 12% setiap tiga tahun sekali dan
- vii) Menetapkan keuntungan SPV Air yang munasabah dan tidak merugikan mana-mana pihak.

### **3. LANGKAH YANG TELAH DIAMBIL OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR DI DALAM MEMUKTAMADKAN PENSTRUKTURAN SEMULA**

#### **3.1. Rundingan dengan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA)**

3.1.1. Rundingan dan perbincangan telah diadakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan KTTHA semenjak tahun 2008. Kronologi perbincangan mengenai penstrukturan semula adalah seperti di **Lampiran B**).

3.1.2. Beberapa siri perbincangan juga telah diadakan di antara YAB Dato' Menteri Besar Selangor dengan YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air bermula dari 20 April 2009.

#### **3.2. Tawaran kepada Syarikat Konsesi Air**

3.2.1. Bagi merealisasikan cadangan penstrukturan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih Syarikat Konsesi Air sebanyak tiga (3) kali iaitu:-

- i) 13 Februari 2009 pada nilai sebanyak RM5,709 juta;

- ii) 25 Jun 2009 pada nilai sebanyak RM9,218 juta; dan
- iii) 31 Januari 2010 pada nilai sebanyak RM9,227 juta.

3.2.2. Status tawaran adalah seperti berikut:-

Tawaran/ Nilai tawaran	JUMLAH (RM/JUTA)	Status
13.02. 2009	<b>5,709</b>	<b>Ditolak oleh kesemua Pemegang Konsesi</b>
25. 06.2009	<b>9,218</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>ABASS dan SPLASH bersetuju menerima tawaran</b></li> <li>• <b>SYABAS dan Puncak menolak tawaran</b></li> </ul>
31.01.2010	<b>9,227</b>	<b>Ditolak oleh kesemua Pemegang Konsesi</b>

3.2.3. Dalam membuat penilaian ke atas setiap Pemegang Konsesi Air, Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan harga berpatutan yang tidak membebankan pengguna di samping tidak merugikan mana-mana pihak.

3.2.4. Elemen-elemen yang telah diambil kira dalam membuat penilaian harga tawaran adalah:-

- i) jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh pemegang saham di dalam Syarikat Konsesi Air;
- ii) tempoh pelaburan yang telah dibuat;
- iii) jumlah hutang yang ditanggung;
- iv) PAAB akan mengambil alih aset air dari SPV Air pada nilai aset bersamaan dengan 1 kali Nilai Buku (1x Book Value); dan
- v) pulangan keuntungan sebanyak 12%

3.2.5. Harga yang ditawarkan kepada Pemegang Konsesi adalah mengandungi nilai aset, nilai ekuiti dan liabiliti termasuk bon yang ditanggung oleh Pemegang Konsesi yang berkaitan khusus dengan perkhidmatan air sahaja.

3.2.6. Harga yang ditawarkan adalah anggaran sahaja. Harga sebenar akan ditentukan selepas proses *due diligence* disempurnakan.

- 3.2.7. Proses *due diligence* akan dimulakan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Kerajaan Negeri Selangor menerima maklum balas ke atas tawaran tersebut daripada Pemegang Konsesi.
- 3.2.8. Sekiranya wujud perbezaan dan/atau ketidaktepatan ke atas nilai yang dianggarkan selepas proses *due diligence* disempurnakan, maka nilai sebenar yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi akan diselaraskan sebagaimana patut.
- 3.2.9. Sekiranya tawaran tersebut tidak dipersetujui oleh syarikat konsesi dari segi tawaran, maka Kerajaan Negeri Selangor akan merujuk perkara berkaitan penilaian tersebut kepada Badan Timbang Tara Bebas Antarabangsa (*Independent International Arbitration*).
- 3.2.10. Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa rujukan kepada Badan Timbang Tara Bebas ini adalah bertujuan untuk menentukan *fair market value* di mana semua pemegang saham di dalam syarikat konsesi akan dibayar pampasan yang adil dan munasabah. Tidak ada mana-mana pihak yang akan mengalami

kerugian dari pelaburan yang telah mereka buat di dalam industri tersebut.

3.2.11. Kerajaan Negeri Selangor akan menawarkan semula penilaian baru kepada semua operator air setelah mendapat maklum balas dari YAB Timbalan Perdana Menteri dan YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air berikutan dari surat bertarikh 28 September 2012 yang memberikan tempoh empat belas (14) hari untuk membolehkan Kerajaan Negeri Selangor dimaklumkan mengenai pendirian sebenar Kerajaan Persekutuan di dalam memuktamadkan penstrukturan semula ini.

#### **4. Status Semasa Penstrukturan Semula**

4.1. Sehingga hari ini, penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor di bawah Model Holistik masih belum dapat dimuktamadkan.

4.2. Melalui surat kepada YAB Timbalan Perdana Menteri bertarikh 03 Ogos 2012, YAB Dato' Menteri Besar telah menjelaskan hasrat Kerajaan Negeri Selangor di dalam memuktamadkan penstrukturan semula menggunakan Model Holistik .

4.3. YAB Dato' Menteri Besar melalui surat bertarikh 14 September 2012 kepada YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air, telah menjelaskan perkara-perkara berikut:-

- i. Pendaftaran perjanjian konsesi oleh Syarikat Konsesi Air di bawah Seksyen 191 Akta 655 tidak memberi kuasa kepada syarikat konsesi untuk melaksanakan perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan dalam perjanjian konsesi sehingga tamat tempoh terma tertentu tetapi hanya berlaku “sehingga tamat tempoh dua tahun atau tempoh tertentu yang boleh dilanjutkan konsesi oleh SPAN selepas tarikh yang ditetapkan”.
- ii. Tempoh peralihan ini dimaksudkan bagi memberi masa merundingkan persetujuan antara konsesi, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor yang tertakluk pada tanggungjawab untuk memenuhi kepentingan awam yang berbangkit daripada operasi WSIA sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 191 (4) WSIA.
- iii. Salah satu rasional WSIA ini adalah untuk menyusun semula sektor perkhidmatan air di setiap negeri menurut pengusaha perkhidmatan air yang bakal ditentukan oleh negeri-negeri.



Malangnya, setiap usaha penyusunan semula bagi memenuhi kepentingan awam, tidak pernah mahu disokong oleh Kerajaan Persekutuan walaupun peruntukan itu dengan jelasnya dinyatakan dalam seksyen 191 (4) WSIA.

- iv. Perundingan Kerajaan Negeri Selangor bagi pengambilalihan ekuiti syarikat-syarikat konsesi adalah merupakan proses perundingan semula perjanjian konsesi untuk pengambilalihan secara penuh, yang bermakna tamatnya perjanjian konsesi sedia ada. Dalam hal ini, keengganan Kerajaan Persekutuan untuk memulakan perundingan tersebut jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan memang sengaja mahu mengingkari tanggungjawab untuk memenuhi kepentingan awam dan obligasi sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 191 (4) WSIA.
- v. Tindakan SPAN memberi kuasa kepada syarikat-syarikat konsesi menurut seksyen 192 WSIA itu dari bulan ke bulan setelah tamatnya masa peralihan di bawah Seksyen 191 (2) Akta 655 seolah-olah memperlekehkan kewajaran syarikat-syarikat konsesi supaya mematuhi kemahuan Kerajaan Negeri Selangor berhubung

dengan hasrat menyusun semula aset-aset air di negeri Selangor.

4.4. YAB Timbalan Perdana Menteri di dalam surat bertarikh 19 September 2012 telah menyatakan:-

- i. Kerajaan Persekutuan mengalu-alukan hasrat Kerajaan Negeri untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air melalui Model Holistik selaras dengan keperluan Akta 655; perjanjian konsesi sedia ada dan semua undang-undang yang berkuat kuasa;
- ii. YAB Timbalan Perdana Menteri berpandangan dalam merealisasikan pelaksanaan Model Holistik yang dicadangkan, Kerajaan Negeri Selangor hendaklah menyelesaikan apa-apa isu pengambilalihan syarikat konsesi air melalui transaksi komersial *willing buyer willing seller* tanpa penglibatan Kerajaan Persekutuan;
- iii. Penglibatan PAAB dalam inisiatif penstrukturkan semula industri perkhidmatan air negara termasuk di Negeri Selangor adalah terhad kepada pengambilalihan liabiliti dan aset air berkaitan sahaja setelah pengambilalihan ekuiti diselesaikan oleh Kerajaan Negeri, justeru itu

penglibatan KTTHA untuk menerajui rundingan bersama Kerajaan Negeri adalah tidak bersesuaian.;

4.5. Melalui surat bertarikh 28 September 2012, YAB Dato' Menteri Besar telah menjawab surat YAB Timbalan Perdana Menteri dengan menyatakan rasa kecewa kerana surat YAB Timbalan Perdana Menteri adalah merupakan ulangan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam surat YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air kepada YAB Dato' Menteri Besar bertarikh 28 Ogos 2012.

4.6. YAB Dato' Menteri Besar telah menyatakan pendirian akan keperluan untuk Kerajaan Persekutuan menyertai rundingan bersama dengan Kerajaan Negeri berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:-

- i. Rundingan Kerajaan Negeri bagi proses pengambilalihan ekuiti syarikat-syarikat konsesi adalah merupakan proses rundingan semula terhadap perjanjian-perjanjian di pihak semua konsesi, yang boleh ditamatkan setelah persetujuan dicapai sepenuhnya.
- ii. Rundingan terhadap persetujuan konsesi bagi mengambil kira isu-isu yang melibatkan kepentingan awam sebagaimana dinyatakan di

bawah seksyen 191 (4) Akta Perkhidmatan Industri Air 2006 (WSIA), iaitu akta Parlimen bagi Kementerian yang bertanggungjawab. Seksyen ini menyatakan bahawa Kerajaan Pusat adalah satu pihak dalam rundingan itu.

- iii. Salah satu rasionalnya peruntukan WSIA dan yang merupakan kepentingan negara adalah keperluan untuk menstrukturkan semula sektor perkhidmatan air di setiap negeri menerusi pengusaha air yang holistik oleh kerajaan negeri. Oleh itu, penyertaan Kerajaan Pusat dalam rundingan perjanjian-perjanjian konsesi adalah perlu menurut seksyen 191 (4) WSIA.
- iv. Oleh sebab WSIA tidak mensyaratkan secara mutlak akan rundingan-rundingan di antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat konsesi agar diadakan berasaskan “bersetuju membeli, bersetuju menjual”, maka peruntukan ini adalah bukan bertujuan untuk membenarkan syarikat-syarikat konsesi untuk menggagalkan atau melambat-lambatkan langkah-langkah untuk memenuhi kepentingan negara menerusi rundingan yang berjalan lancar dan mesra. Hal ini terkandung dalam seksyen 191 (2) WSIA yang menyatakan bahawa perjanjian

syarikat-syarikat konsesi yang berdaftar adalah tertakluk untuk melaksanakan perkhidmatan dan aktiviti yang ditetapkan sehingga tamat tempoh dua tahun atau tempoh tersebut boleh dilanjutkan oleh (SPAN) selepas tarikh yang dimeterai.

- v. Perlembagaan Malaysia telah dipinda melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 2005 untuk memindahkan perkhidmatan dan bekalan air dari Senarai Negeri kepada Senarai Bersama di bawah Senarai Perundangan, Perlembagaan Persekutuan. Melalui pindaan ini, tanggung jawab mengenai perkhidmatan dan bekalan air terletak bersama kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- vi. Kerajaan Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif dalam sektor air sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 3(1) Akta WSIA yakni “Kerajaan Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara yang berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan bekalan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan”

- 4.7. YAB Dato Menteri Besar juga telah menyatakan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas sokongan yang diberikan selaku Pemegang Saham Emas dalam SYABAS yang tidak menghalang pemegang-pemegang saham lain di dalam SYABAS untuk menerima cadangan pengambilalihan saham saham mereka.
- 4.8. Mengenai pelaksanaan Projek Langat 2, YAB Dato Menteri Besar telah menjelaskan bahawa ianya mesti dilakukan dalam konteks penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor.
- 4.9. Sekiranya tiada sebarang maklum balas dari Kerajaan Persekutuan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh 28 September 2012, Kerajaan Negeri Selangor beranggapan bahawa Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan penstrukturan semula yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor di mana Kerajaan Negeri Selangor akan mengemukakan tawaran pengambilalihan kepada syarikat konsesi air.
- 4.10. YAB Timbalan Perdana Menteri di dalam surat tidak bertarikh yang diterima oleh YAB Dato' Menteri Besar pada 15 Oktober 2012 telah menyatakan bahawa semua perkara yang dibangkitkan oleh YAB Dato' Menteri Besar di dalam surat bertarikh 14 September 2012 dan 28 September 2012 akan dijawab oleh YB Menteri.

- 4.11. YAB Dato' Menteri Besar melalui surat bertarikh 19 Oktober 2012, telah menjawab surat YAB Timbalan Perdana Menteri dengan menyatakan rasa kecewa kerana perkara-perkara penting yang dibangkitkan di dalam surat terdahulu yang merupakan kepentingan negara tidak diberikan perhatian sewajarnya oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan YB Menteri.
- 4.12. Memandangkan terdapat kepentingan dan kesegeraan untuk memuktamadkan penstrukturan semula ini, YAB Dato' Menteri Besar di dalam surat jawapan tersebut telah menggesa supaya diadakan mesyuarat di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Jawatan Kuasa Khas Kabinet Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor.
- 4.13. Setakat 24 Oktober 2012, Kerajaan Negeri Selangor masih belum menerima apa-apa maklum balas dari YAB Timbalan Perdana Menteri ke atas cadangan mesyuarat dengan Jawatan Kuasa Khas Kabinet Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor dan juga belum ada maklum balas lain dari YB Menteri.

## 5. KEKANGAN DI DALAM MEMUKTAMADKAN PENSTRUKTURAN SEMULA

- 5.1. Pindaan Perlembagaan pada tahun 2005 telah meletakkan air di bawah Senarai 111- Senarai Bersama. Melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.
- 5.2. Selain dari itu, Kerajaan Negeri Selangor telah menswastakan perkhidmatan bekalan air semenjak tahun 1994 dan penswastaan sepenuhnya telah dilaksanakan pada tahun 2004. Melalui penswastaan ini, Perjanjian Konsesi telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dan Syarikat Konsesi Air.
- 5.3. Dalam proses untuk mengambil alih semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi untuk diuruskan oleh Kerajaan Negeri sepenuhnya, ia perlu melalui proses *deprivatisation* yang akan melibatkan banyak pihak. *Deprivatisation* akan menjurus kepada penamatan perjanjian konsesi sedia ada. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan



bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

- 5.4. Oleh yang demikian, dalam melaksanakan pengambilalihan semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian di mana sejumlah pampasan perlu untuk disediakan untuk dibayar kepada Pemegang Konsesi. Sekiranya Pemegang Konsesi tidak dibayar pampasan yang setimpal, perkara ini boleh mendedahkan Kerajaan Negeri kepada tindakan undang-undang dan pada masa yang sama Kerajaan Negeri boleh dianggap bertindak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.
- 5.5. Pemegang Konsesi menuntut nilai pampasan yang tinggi walaupun Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membayar 12% sebagai pulangan kepada pelaburan yang dibuat serta mengambil alih semua liabiliti berkaitan air.
- 5.6. Keengganan Kerajaan Persekutuan untuk turut serta bersama Kerajaan Negeri di dalam rundingan

pengambilalihan syarikat konsesi telah melambatkan penstrukturan semula dimuktamadkan walaupun Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif dalam sektor air sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 3(1) Akta 655.

## **6. PENDIRIAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

6.1. Penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menggunakan Model Holistik yang ditekankan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah mendokong dasar-dasar penyusunan semula industri perkhidmatan air negara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan menepati ciri-ciri yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Tenaga Air dan Komunikasi di dalam Dewan Rakyat pada 30 Jun 2008 seperti berikut:-

- a) Sebuah syarikat yang dimiliki ataupun di bawah kawalan Kerajaan Negeri;
- b) Sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan

c) Sebuah syarikat yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang di kawal selian oleh SPAN.

6.2. Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah mengguna pakai konsep *asset light* yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam penyusunan semula yang akan melibatkan pengambilalihan aset dan tanggungan sedia ada kepunyaan kerajaan negeri ataupun pemegang konsesi yang berhasrat untuk berhijrah ke rejim pelesenan. Ia akan dilaksanakan menerusi mekanisme PAAB, di mana keperluan CAPEX masa hadapan akan dibiayai oleh PAAB;

6.3. Kaedah penetapan nilai bagi mengambil alih syarikat pemegang konsesi air adalah berdasarkan *fair market value* dengan pulangan 12% ke atas pelaburan yang telah dibuat. Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa adalah tidak wajar untuk membayar pampasan yang terlampau tinggi dan *over price* kepada pemegang saham syarikat konsesi air memandangkan syarikat-syarikat ini telah beroperasi sehingga berjaya mengaut pulangan modal serta mencapai jangkaan keuntungan *shareholders IRR* dalam bentuk pembayaran dividen.

Namun, sekiranya syarikat konsesi ini masih tidak mempertikaikan nilai pampasan yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor, mereka boleh merujuk isu pampasan tersebut untuk diputuskan oleh Badan Timbang Tara Bebas Antarabangsa, di mana Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk mematuhi apa jua keputusan yang dibuat oleh Badan Timbang Tara Bebas Antarabangsa tersebut;

- 6.4. Dalam menentukan nilai yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi air sedia ada, Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan kepentingan pengguna dan pada masa yang sama tidak merugikan mana-mana pihak. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor berpegang kepada prinsip Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang telah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat pada 30 Jun 2008 seperti berikut:-

“Kementerian ini amat peka kepada implikasi dan kesan pengambilalihan aset dan tanggungan pada harga yang tinggi dan tidak kos efektif. Ia akan menyebabkan kadar sewa pajak yang tinggi dan yang akhirnya akan turut dirasai oleh pengguna melalui kadar tarif air yang tinggi. Oleh yang demikian, kementerian ini akan memastikan keadaan tersebut tidak berlaku semasa proses pengambilalihan aset dan tanggungan air terutamanya yang melibatkan syarikat konsesi air.”

- 6.5. Selaras dengan pengujudan mekanisme pengawalseliaan industri melalui kaedah pelesenan yang membolehkan industri air dikawal selia melalui syarat-syarat dan *key performance indicator* (KPI) yang ditetapkan melalui lesen-lesen yang dikeluarkan oleh SPAN, Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa perkhidmatan air negeri Selangor sewajarnya disusun semula di bawah satu SPV Air yang holistik tertakluk kepada syarat dan peraturan pelesenan;
- 6.6. Melalui penstrukturan semula yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, ia akan menjurus kepada penamatan perjanjian sedia ada. Dengan penamatan perjanjian konsesi sedia ada, pengguna tidak lagi dibebankan dengan *pre-determined* tarif, sebaliknya SPV Air yang baru adalah tertakluk kepada mekanisme penetapan tarif di bawah SPAN. Kerajaan Negeri Selangor mensasarkan kenaikan kadar tarif munasabah yang tidak membebankan pengguna di samping tidak merugikan operator dengan kadar kenaikan tidak melebihi 12 % setiap tiga (3) tahun sekali berbanding dengan kadar yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS;

- 6.7. Industri perkhidmatan air negeri Selangor , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dibelenggu dengan pelbagai isu dan masalah operasi, antaranya kadar NRW yang tinggi, perbelanjaan CAPEX SYABAS yang melebihi anggaran yang diperuntukkan di dalam Perjanjian Koneksi, kadar tarif yang membebankan pengguna dan lain-lain masalah hingga menjejaskan perkhidmatan kepada pengguna. Matlamat utama Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air ke arah satu industri yang holistik, efisien, efektif, berdaya saing dan mampan adalah selaras dengan matlamat Kerajaan Persekutuan yang menyedari bahawa bekalan air adalah keperluan asas yang perlu dibekalkan kepada setiap pengguna tanpa mengira fahaman politik;
- 6.8. Kerajaan Negeri Selangor menekankan sebagai keperluan asas, perkhidmatan air perlu diuruskan dengan mementingkan ketelusan, akauntabiliti, efisien dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata. Pengurusan air yang efisien dan berdaya maju hanya boleh dicapai melalui operator yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri dan bukannya melalui syarikat persendirian yang mementingkan keuntungan sebagai matlamat utamanya.

- 6.9. Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Penang, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.
- 6.10. Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa pindaan ke atas Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah dibuat pada Januari 2005 dengan memasukkan bekalan air dan perkhidmatan di bawah Senarai Bersama tidak membawa maksud bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih sepenuhnya urusan berkaitan bekalan air daripada bidang kuasa Kerajaan Negeri sehingga berlakunya *federalization of water industry*, sebaliknya pindaan Perlembagaan tersebut telah memberi mandat bahawa industri perkhidmatan air perlu diuruskan secara bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

6.11. Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa penstrukturan semula industri perkhidmatan air menggunakan Model Holistik hendaklah dimuktamadkan dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan air di Negeri Selangor dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan di samping kadar tarif munasabah yang tidak membebankan pengguna.

## **7. PENUTUP**

- 7.1. Penstrukturan semula industri perkhidmatan air yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah sama selaras dan menepati semangat Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam mencapai hasrat dan matlamat penyusunan semula industri perkhidmatan air negara ke arah satu industri yang holistik, efisien, efektif, berdaya saing dan mampan.
- 7.2. Penstrukturan semula ini hendaklah dimuktamadkan sebagai langkah untuk menyelesaikan pelbagai isu dan masalah operasi yang ada pada masa ini di dalam industri perkhidmatan air.
- 7.3. Dewan Negeri adalah dipohon untuk mengambil maklum akan makluman tersebut di atas.